

## Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 39

Maklumat berikut telah diambil daripada buku akaun Kedai Runcit Salmah bagi bulan April 2017:

<b>Tarikh</b>	<b>Urus niaga</b>
2017	
April 1	Memulakan perniagaan dengan tunai ditangan RM1,000 dan tunai di bank RM24,000.
3	Bayar insurans nyawa pemilik berjumlah RM300 secara tunai.
4	Membeli sebuah komputer secara cek RM1,200.
6	Membeli perabot bernilai RM3,000 secara kredit daripada Kedai Perabot Heng Lee.
8	Membeli barang niaga secara kredit RM800.
12	Pemilik membawa masuk 5 buah kerusi bernilai RM360 daripada rumahnya untuk kegunaan pejabat.
13	Jualan barang niaga RM950 secara kredit. Kos barang dijual ialah RM600.
18	Belian barang niaga secara cek RM2,000.
21	Menjelaskan hutang akaun belum bayar dagangan secara cek dengan sepenuhnya.
23	Perniagaan telah mendapatkan pinjaman bank RM5,000.
26	Menjual separuh daripada stok barang niaga dengan harga RM1,700 dan menerima cek.
28	Menerima cek daripada akaun belum terima berjumlah RM500.
29	Bayar gaji pekerja secara cek RM1,000.
30	Pemilik mengeluarkan cek sebanyak RM1,450 di mana RM800 telah dibayar kepada ayahnya untuk sewa kedai dan bakinya telah digunakan untuk tujuan peribadi.

**Dikehendaki:**

- (a) Merekod perkara-perkara di atas mengikut format jadual yang diberikan di bawah:

	Alatan Pejabat	Perabot	Inven-tori	Akaun belum terima	Bank	Tunai	Akaun belum bayar	Pinjam-an	Modal	Untung bersih
<b>2017</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki pada April 1										
3										
4										
6										
8										
12										
13										
18										
21										
23										
26										
28										
29										
30										
Baki pada April 30										

- (b) Sediakan semula penyata kedudukan kewangan perniagaan ini pada 30 April 2017 setelah perkara-perkara di atas diambil kira.